

SINOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh latar belakang pelajar, kecekapan matematik dan cara pembelajaran terhadap pencapaian akademik pelajar di Universiti Malaya. Seterusnya, strategi yang berkesan boleh diambil untuk meningkatkan prestasi pelajar di universiti. Data untuk kajian ini dipungut dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 894 orang pelajar dari 14 fakulti pengajian di Universiti Malaya pada bulan Disember 2000. Seterusnya, data yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisa dengan SPSS. Secara keseluruhan, penganalisan data menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor dalam aspek latar belakang pelajar, kecekapan matematik dan sikap positif terhadap cara pembelajaran mendatangkan kesan yang positif ke atas pencapaian akademik pelajar.